



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 46  
No. 24

**1hb Disember 2002**

*TAMBAHAN No. 124  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 476.**

**AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN  
PELESENAN) 1966**

**PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL  
TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002**

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Bidang kuasa
4. Fi yang ditetapkan
5. Borang

## BAHAGIAN II

### PERMULAAN PROSIDING

#### Peraturan

6. Pernyataan tuntutan
7. Pemfailan pernyataan tuntutan
8. Pernyataan tuntutan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar
9. Penyerahan pernyataan tuntutan
10. Pembelaan dan tuntutan balas
11. Pemfailan pernyataan pembelaan
12. Pernyataan pembelaan hendaklah dimeterai, dsb.
13. Penyerahan pernyataan pembelaan
14. Pembelaan kepada tuntutan balas

## BAHAGIAN III

### PENYERAHAN

15. Alamat penyerahan
16. Cara penyerahan
17. Penyerahan ganti
18. Tarikh penyerahan

## BAHAGIAN IV

### TATACARA

19. Menetapkan tarikh, dsb., bagi pendengaran
20. Award apabila pernyataan pembelaan tidak difailkan
21. Pengakuan tentang tuntutan
22. Ketidakhadiran pihak
23. Rundingan bagi penyelesaian
24. Pendengaran

## BAHAGIAN V

### PELBAGAI

#### Peraturan

25. Saman untuk hadir
26. Mengetepikan award
27. Penangguhan
28. Kos
29. Nota keterangan
30. Rekod prosiding hendaklah disimpan

#### JADUAL PERTAMA

#### JADUAL KEDUA

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN  
PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN  
PEMBELI RUMAH) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A1 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah) 2002**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2002.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“fail kes” ertinya sesuatu fail yang dibuka oleh Pejabat Pendaftaran Tribunal bagi setiap tuntutan yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut;

“Penolong Setiausaha” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik bawah seksyen 16J Akta;

“Presiden” ertinya mana-mana anggota Tribunal yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu tuntutan yang dibawa di hadapan Tribunal;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal yang dilantik di bawah seksyen 16J Akta dan termasuklah Penolong Setiausaha; dan

“Tribunal” ertinya Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B Akta.

**Bidang kuasa**

3. Tribunal hendaklah mendengar apa-apa tuntutan yang dibawa oleh seseorang pembeli rumah tidak lewat dari dua belas bulan dari tarikh pengeluaran sijil layak menduduki bagi rumah kediaman itu atau tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli.

**Fi yang ditetapkan**

4. Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

## **Borang**

5. Borang-borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ialah borang-borang yang terkandung dalam Jadual Kedua.

## **BAHAGIAN II**

### **PERMULAAN PROSIDING**

#### **Pernyataan tuntutan**

6. (1) Tiap-tiap tuntutan yang dikemukakan kepada Tribunal hendaklah dalam Borang 1.

(2) Pihak yang menuntut hendaklah menyatakan dalam Borang 1 amaun dan butir-butir tuntutan.

(3) Borang 1 hendaklah ditandatangani oleh atau dicapkan dengan ibu jari pihak yang menuntut sendiri.

#### **Pemfailan pernyataan tuntutan**

7. Borang 1 hendaklah difailkan dalam empat salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal bersama dengan fi yang ditetapkan.

#### **Pernyataan tuntutan hendaklah dimeterai, dsb., dan dicatatkan dalam Daftar**

8. (1) Apabila Borang 1 diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan yang difailkan—

(a) dimeterai dengan meterai Tribunal; dan

(b) ditarikhkan dan ditandatangani.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap tuntutan yang difailkan dicatatkan dalam suatu buku yang dikenali sebagai “Daftar Tribunal” yang disimpan di Pejabat Pendaftaran Tribunal.

(3) Tiap-tiap tuntutan hendaklah dibezakan melalui nombor dan tahun yang dalamnya tuntutan itu difailkan.

#### **Penyerahan pernyataan tuntutan**

9. (1) Selepas sesuatu tuntutan telah dicatatkan dalam Daftar Tribunal, Pejabat Pendaftaran hendaklah menyebabkan dua salinan Borang 1 yang telah dimeterai dan ditandatangani dikembalikan kepada pihak yang menuntut.

(2) Pihak yang menuntut hendaklah menyerahkan satu salinan Borang 1 kepada penentang.

### **Pembelaan dan tuntutan balas**

10. (1) Jika penentang yang kepadanya telah diserahkan Borang 1 mempertikaikan tuntutan itu, dia hendaklah menyerahkan pembelaannya dalam Borang 2 dalam masa empat belas (14) hari selepas penyerahan pernyataan tuntutan.

(2) Borang 2 hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa penentang mempertikaikan tuntutan itu.

(3) Jika penentang mempunyai suatu tuntutan balas, dia hendaklah menyatakan amaun dan butir-butir tuntutan balas itu dalam Borang 2.

(4) Borang 2 hendaklah ditandatangani oleh atau dicapkan dengan ibu jari penentang sendiri dan jika penentang ialah pertubuhan perbadanan, Borang 2 hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu.

### **Pemfailan pernyataan pembelaan**

11. Borang 2 hendaklah difailkan dalam empat salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal bersama dengan fi yang ditetapkan.

### **Pernyataan pembelaan hendaklah dimeterai, dsb.**

12. Apabila Borang 2 diterima, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan yang difailkan—

(a) dimeterai dengan meterai Tribunal; dan

(b) ditarik dan ditandatangani.

### **Penyerahan pernyataan pembelaan**

13. (1) Setiausaha hendaklah mengembalikan dua salinan Borang 2 yang telah dimeterai dan ditandatangani kepada penentang.

(2) Penentang hendaklah menyerahkan satu salinan Borang 2 kepada pihak yang menuntut.

### **Pembelaan kepada tuntutan balas**

14. (1) Jika terdapat suatu tuntutan balas pihak yang menuntut hendaklah memfailkan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam Borang 3.

(2) Borang 3 hendaklah ditandatangani dan dicapkan dengan ibu jari oleh pihak yang menuntut sendiri.

(3) Subperaturan 10(2), peraturan 11 dan 12 dan subperaturan 13(1) dan (2) hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi pembelaan kepada tuntutan balas, pihak yang menuntut dan Borang 3.

## BAHAGIAN III

### PENYERAHAN

#### **Alamat penyerahan**

15. Tiap-tiap dokumen yang dihantarsesahkan atau dikemukakan kepada Tribunal hendaklah diendorkan dengan nama dan alamat pihak yang menghantarsesahkan atau mengemukakan dokumen itu dan alamat itu hendaklah disifatkan alamat penyerahan pihak itu.

#### **Cara penyerahan**

16. (1) Penyerahan sesuatu dokumen kepada seseorang selain suatu pertubuhan perbadanan atau firma bolehlah dilakukan dengan—

- (a) meninggalkan dokumen itu dengan orang itu;
- (b) memberikan dokumen itu kepada orang itu; atau
- (c) mengesposkan dokumen itu dalam suatu surat berdaftar berbayar dahulu yang dialamatkan kepada orang itu di alamat penyerahannya atau di alamatnya yang terakhir diketahui.

(2) Penyerahan sesuatu dokumen kepada suatu pertubuhan perbadanan atau firma bolehlah dilakukan dengan—

- (a) meninggalkan dokumen itu dengan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau tuan punya firma itu;
- (b) memberikan dokumen itu kepada pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau tuan punya firma itu; atau
- (c) mengesposkan dokumen itu dalam suatu surat berdaftar berbayar dahulu yang dialamatkan kepada pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau tuan punya firma itu di pejabat berdaftar pertubuhan perbadanan atau firma itu atau di alamat penyerahannya.

#### **Penyerahan ganti**

17. Presiden boleh membuat apa-apa arahan bagi penyerahan ganti apa-apa dokumen sebagaimana yang difikirkannya patut.

#### **Tarikh penyerahan**

18. Tarikh yang apa-apa dokumen ditinggalkan atau diberikan atau diposkan mengikut peraturan 16 hendaklah disifatkan tarikh penyerahan dokumen itu.

## BAHAGIAN IV

### TATACARA

#### **Menetapkan tarikh, dsb., bagi pendengaran**

19. (1) Apabila suatu tuntutan dikemukakan kepada Tribunal, Setiausaha hendaklah—

- (a) menetapkan tarikh, tempat dan masa pendengaran dalam Borang 4; dan
- (b) selepas itu menyerahkan notis pendengaran itu kepada kedua-dua pihak yang menuntut dan penentang.

(2) Setiausaha hendaklah menyerahkan Borang 4 kepada pihak yang menuntut dan penentang tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pendengaran.

#### **Award apabila pernyataan pembelaan tidak difailkan**

20. Jika penentang tidak memfailkan pembelaannya dalam Borang 2, Tribunal boleh—

- (a) membuat suatu award bagi pihak yang menuntut dalam Borang 5 pada tarikh pendengaran; atau
- (b) menurut budi bicaranya menangguhkan pendengaran itu bagi membolehkan penentang memfailkan pembelaannya.

#### **Pengakuan tentang tuntutan**

21. Jika penentang dalam pernyataan pembelaannya mengakui tuntutan itu, Presiden hendaklah membuat suatu award bagi pihak yang menuntut dalam Borang 6.

#### **Ketidakhadiran pihak**

22. (1) Jika pihak yang menuntut tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi penentang hadir, Presiden boleh, jika dia berpuas hati bahawa notis pendengaran telah diserahkan dengan sepatutnya—

- (a) menolak tuntutan itu, jika penentang tidak mempunyai tuntutan balas;
- (b) membuat suatu award bagi tuntutan balas itu, jika penentang mempunyai tuntutan balas.

(2) Suatu award yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam Borang 7.



(3) Jika penentang tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi pihak yang menuntut hadir, Presiden boleh, jika dia berpuas hati bahawa notis pendengaran telah diserahkan dengan sepatutnya—

- (a) meneruskan pendengaran tanpa kehadiran penentang; atau
- (b) menangguhkan pendengaran ke suatu tarikh kemudian.

(4) Sebelum membereskan tuntutan itu tanpa kehadiran penentang, Tribunal hendaklah menimbangkan apa-apa representasi yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut.

(5) Suatu award yang dibuat jika penentang tidak hadir hendaklah dalam Borang 8.

(6) Jika kedua-dua pihak tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, tindakan itu hendaklah dibatalkan.

### **Rundingan bagi penyelesaian**

23. (1) Semasa pendengaran, Tribunal hendaklah, jika wajar, membantu pihak-pihak untuk membuat suatu penyelesaian tuntutan itu melalui persetujuan.

(2) Suatu award yang diperoleh melalui persetujuan hendaklah dalam Borang 9.

### **Pendengaran**

24. (1) Semasa pendengaran di hadapan Tribunal, pihak yang menuntut berhak untuk mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda bagi menyokong kesnya.

(2) Selepas pihak yang menuntut membentangkan kesnya, penentang hendaklah membentangkan kesnya dan boleh mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda bagi menyokong kesnya.

(3) Selepas pihak yang menuntut dan penentang menutup kes masing-masing, suatu penghujahan lisan atau bertulis yang ringkas boleh dibuat oleh penentang dan selepas itu oleh pihak yang menuntut.

(4) Presiden boleh pada bila-bila masa membantu pihak-pihak dalam menjalankan kes mereka.

(5) Suatu award yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang 10.

## **BAHAGIAN V**

### **PELBAGAI**

### **Saman untuk hadir**

25. (1) Saman kepada mana-mana orang untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain dalam miliknya di hadapan Tribunal hendaklah dalam Borang 11.

(2) Borang 11 hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha dan hendaklah mempunyai meterai Tribunal.

### **Mengetepikan award**

26. (1) Apa-apa award yang diperoleh jika satu pihak tidak hadir, semasa pendengaran, atau apa-apa award yang diperoleh menurut peraturan 20, boleh diketepikan oleh Tribunal atas permohonan pihak yang terkilan itu.

(2) Permohonan itu hendaklah dalam Borang 12 dan hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari selepas award diterima.

(3) Borang 12 hendaklah diserahkan kepada pihak yang memperoleh award itu.

### **Penangguhan**

27. Tribunal boleh dari semasa ke semasa menangguhkan suatu pendengaran atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

### **Kos**

28. Tribunal boleh menurut budi bicaranya mengaward kos tidak melebihi lima ratus ringgit kepada mana-mana satu pihak.

### **Nota keterangan**

29. Presiden hendaklah—

(a) mengambil nota keterangan;

(b) menyatakan terma apa-apa soalan atau jawapan tertentu;

(c) membuat nota tentang award yang dibuat; dan

(d) menandatangani atau menandatangani ringkas nota keterangan itu.

### **Rekod prosiding hendaklah disimpan**

30. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan rekod semua prosiding Tribunal.

(2) Rekod yang dikehendaki supaya disimpan oleh Peraturan-Peraturan ini hendaklah disimpan dengan membuat catatan dalam fail kes masing-masing.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 4)

**FI**

<i>Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Amaun fi (RM)</i>
1. Pemfailan pernyataan tuntutan	1	10.00
2. Pemfailan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas	2	10.00
3. Pemfailan pembelaan kepada tuntutan balas	3	10.00

JADUAL KEDUA

BORANG-BORANG

(Peraturan 5)

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 1

(Peraturan 6)

*PERNYATAAN TUNTUTAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

Nama pihak yang menuntut:	No. K.P.: .....
Alamat:	

Nama penentang:	No. K.P.: .....
Alamat:	

Pernyataan:

Tuntutan pihak yang menuntut ialah untuk jumlah RM .....
--

Butir-butir tuntutan: .....

.....  
*Tarikh*

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari  
kanan pihak yang menuntut*

.....  
*Tarikh pemfailan*

.....  
*Setiausaha*

(METERAI)

**KEPADA PENENTANG:**

Jika anda mempertikaikan tuntutan pihak yang menuntut, anda hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan anda dalam Borang 2 pada atau sebelum .....

**ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT:**

1. Anda hendaklah mengisi nama penuh anda, nombor kad pengenalan dan alamat anda dalam ruang yang disediakan.
2. Anda hendaklah mengisi nama penuh penentang dan alamatnya yang terakhir diketahui dalam ruang yang disediakan.
3. Anda hendaklah menyatakan amaun tepat yang dituntut dalam ruang yang disediakan. Amaun yang dituntut itu tidak boleh melebihi RM25,000.00. Jika amaun itu melebihi RM25,000.00 maka tuntutan itu hendaklah difailkan di Mahkamah Sesyen, melainkan kedua-dua pihak telah bersetuju sebaliknya secara bertulis seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 16o Akta.
4. Anda hendaklah menyatakan butir-butir tuntutan anda dalam ruang yang disediakan. Butir-butir itu hendaklah menyatakan tarikh yang berkaitan dan bagaimana tuntutan itu telah berbangkit atau apakah asas tuntutan itu.
5. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan helaian kertas yang berasingan dan tuliskan "sila lihat muka surat sebelah". Apa-apa helaian kertas yang digunakan hendaklah dilampirkan bersama Borang ini.
6. Setelah mengisi butir-butir, anda hendaklah menandatangani Borang ini.
7. Setelah menyiapkan Borang ini, anda hendaklah memfailkan Borang ini dalam 4 salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal. Anda hendaklah membayar fi pemfailan sebanyak RM10. Pejabat Pendaftaran akan meletakkan meterai Tribunal pada 4 salinan itu. Dua salinan Borang ini akan dikembalikan kepada anda.
8. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam semasa perbicaraan. Bagaimanapun anda boleh memohon kepada Tribunal semasa perbicaraan untuk representasi peguam jika anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang rumit dan anda akan mengalami kesusahan kewangan yang teruk jika anda tidak diwakili peguam.

ARAHAN KEPADA PENENTANG:

1. Apabila anda menerima Borang ini yang telah dimeteraikan dengan meterai Tribunal, anda didakwa oleh pihak yang menuntut.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan itu anda hendaklah menyatakan pembelaan anda, dengan butir-butir, dalam Borang 2.
3. Anda hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan anda di Pejabat Pendaftaran Tribunal.
4. Jika anda gagal untuk memfailkan pembelaan anda dalam masa yang ditetapkan atau jika anda gagal untuk hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran, maka Tribunal boleh membuat award dengan memihak kepada pihak yang menuntut.
5. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam semasa perbicaraan. Bagaimanapun anda boleh memohon kepada Tribunal semasa perbicaraan untuk representasi peguam jika anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang rumit dan anda akan mengalami kesusahan kewangan yang teruk jika anda tidak diwakili peguam.

---

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 2  
(Peraturan 10)

*PERNYATAAN PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

Nama pihak yang menuntut:

No. K.P.: .....

Alamat:

Nama penentang:

No. K.P.: .....

Alamat:

Pernyataan pembelaan:

Tuntutan balas:

.....  
*Tarikh*

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari  
kanan penentang*

.....  
*Tarikh pemfailan*

.....  
*Setiausaha*

(METERAI)

ARAHAN KEPADA PENENTANG:

1. Jika anda mengakui tuntutan pihak yang menuntut, anda bolehlah menyatakan dalam ruang yang disediakan untuk pernyataan pembelaan bahawa anda mengakui tuntutan itu.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan itu, pernyataan pembelaan anda hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa anda mempertikaikan tuntutan itu.
3. Jika anda mempunyai apa-apa tuntutan balas, anda hendaklah menyatakan tuntutan balas anda dengan butir-butir dalam ruang yang disediakan.
4. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan helaian kertas yang berasingan dan tuliskan "sila lihat muka surat sebelah". Apa-apa helaian kertas yang digunakan hendaklah dilampirkan bersama Borang ini.
5. Anda hendaklah memfailkan pembelaan anda (dan tuntutan balas jika ada) dalam had masa, jika tidak, award akan dibuat dengan memihak kepada pihak yang menuntut.
6. Anda hendaklah menandatangani Borang 2 sendiri dan memfailkannya dalam 4 salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal. Dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan, Borang ini hendaklah ditandatangani oleh pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya. Fi pemfailan ialah sebanyak RM10. Pejabat Pendaftaran akan meletakkan meterai Tribunal pada 4 salinan itu dan mengembalikan dua salinan kepada anda.

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 3  
(Peraturan 14)

*PEMBELAAN KEPADA TUNTUTAN BALAS*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

Nama pihak yang menuntut:	No. K.P.: .....
Alamat:	

Nama penentang:	No. K.P.: .....
Alamat:	

Pembelaan kepada tuntutan balas:
----------------------------------

.....  
*Tarikh*

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari  
kanan pihak yang menuntut*

.....  
*Tarikh pemfailan*

.....  
*Setiausaha*

(METERAI)

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT:

1. Jika anda mengakui tuntutan balas penentang, anda hendaklah menyatakan dalam ruang yang disediakan untuk pembelaan kepada tuntutan balas itu bahawa anda mengakui tuntutan balas itu.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan balas itu, pembelaan anda kepada tuntutan balas itu hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa anda mempertikaikan tuntutan balas itu.
3. Anda hendaklah menandatangani Borang 3 sendiri dan menfailkan 4 salinan di Pejabat Pendaftaran Tribunal. Fi pemfailan ialah sebanyak RM10. Pejabat Pendaftaran akan meletakkan meterai Tribunal pada 4 salinan itu dan mengembalikan dua salinan kepada anda.

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 4  
(Peraturan 19)

*NOTIS PENDENGARAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

AMBIL PERHATIAN bahawa tuntutan di atas akan didengar pada .....  
haribulan ..... tahun .....  
di .....  
(alamat tempat pendengaran)  
..... pada jam ..... pagi/tengahari.

Sila bawa semua saksi, dokumen, rekod atau benda untuk menyokong tuntutan/pembelaan dan tuntutan balas anda.

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Setiausaha*



AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 5  
(Peraturan 20)

*AWARD BAGI PIHAK YANG MENUNTUT JIKA PENENTANG TIDAK MEMFAILKAN  
PERNYATAAN PEMBELAAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Pernyataan tuntutan (Borang 1) telah diserahkan kepada penentang dan penentang telah gagal untuk memfailkan pembelaannya dalam masa yang ditetapkan, Tribunal dengan ini membuat award yang berikut: .....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 6  
(Peraturan 21)

*AWARD JIKA RESPONDEN MENGAKUI TUNTUTAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

.....Penentang

Penentang telah mengakui tuntutan, Tribunal dengan ini memerintahkan .....

.....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

\_\_\_\_\_

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 7

(Subperaturan 22(2))

*AWARD BAGI PENENTANG JIKA PIHAK YANG MENUNTUT TIDAK HADIR*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran di hadapan.....

..... dengan kehadiran penentang, dan tanpa kehadiran pihak yang menuntut, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....

.....

.....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966  
PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 8  
(Subperaturan 22(5))

*AWARD BAGI PIHAK YANG MENUNTUT JIKA PENENTANG TIDAK HADIR*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran di hadapan .....  
..... dengan kehadiran pihak yang menuntut, dan tanpa kehadiran penentang, Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....  
.....  
.....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966  
PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 9  
(Subperaturan 23(2))

*AWARD DENGAN PERSETUJUAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....  
DI NEGERI ..... MALAYSIA  
TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah pada hari ini dipanggil untuk pendengaran di hadapan .....  
dengan kehadiran pihak yang menuntut dan penentang, dan kedua-dua pihak telah bersetuju, Tribunal  
dengan ini memerintahkan:

.....  
.....  
.....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966  
PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 10  
(Subperaturan 24(5))

*AWARD SELEPAS PENDENGARAN*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....  
DI NEGERI ..... MALAYSIA  
TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Tindakan ini telah didengar di hadapan ..... pada ....., di  
....., Tribunal dengan ini memerintahkan :

.....  
.....  
.....

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Presiden*

—

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 11

(Peraturan 25)

*SAMAN KEPADA SAKSI*

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....

DI NEGERI ..... MALAYSIA

TUNTUTAN NO.: .....

ANTARA

..... Pihak yang menuntut

DAN

..... Penentang

Kepada .....  
(masukkan nama penuh dan alamat orang yang disaman)

Anda adalah dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Tribunal di .....

.....  
(alamat tempat pendengaran)

pada ..... haribulan ..... pada jam ..... pagi/ petang untuk memberikan keterangan bagi pihak yang menuntut/penentang dan untuk membawa bersama-sama anda dan mengemukakan .....(nyatakan dokumen yang hendak dikemukakan) ..... pada masa dan di tempat yang disebut terdahulu.

Bertarikh pada ..... haribulan .....

(METERAI)

.....  
*Setiausaha*

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966  
PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH) 2002

BORANG 12  
(Peraturan 26(2))

*PERMOHONAN UNTUK MENGETEPIKAN AWARD*  
DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH

DI .....  
DI NEGERI ..... MALAYSIA  
TUNTUTAN NO.: .....

Nama pihak yang menuntut:	No. K.P.: .....
Alamat:	

Nama Penentang:	No. K.P.: .....
Alamat:	

1. Suatu award telah diperoleh terhadap saya pada .....
2. Saya dengan ini memohon untuk mengetepikan award itu.

Saya tidak hadir di pendengaran itu kerana:

Saya tidak memfailkan pembelaan saya kerana:

.....  
*Tarikh*

.....  
*Tandatangan/Cap ibu jari  
kanan pihak yang menuntut/  
penentang*

NOTIS KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT/PENENTANG

Pihak yang menuntut/penentang telah memohon kepada Tribunal ini untuk mengetepikan award bertarikh ..... Tarikh dan masa pendengaran permohonan itu adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini.

Tarikh pendengaran: ..... Masa: .....

.....  
*Tarikh pemfailan*

(METERAI)

.....  
*Setiausaha*

Dibuat 18 November 2002  
[PKPT(S) 01/704/86 Jld. 2; PN(PU<sup>2</sup>)31/IX]

DATO' SERI ONG KA TING  
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA